

K.I.T.A adalah KITA

Oleh : Jentayu

Pidatomu bagaikan halilintar membelah bumi, menggoncang hati-hati mereka yang kelekaan, seakan menyadarkan mana yang lena, kau katakan harus wala' kepada pemimpin, rapatkan saf, hunuskan pedang, kitakan berjuang hingga titisan terakhir dan jika harus mati, mati bersama sang ketua!

Tapi lagak dan gayamu mencurigakan dan penuh helah. Kau jadikan perjuangan ini sebagai alat menaikkan NAMA bahawa kau adalah seorang wira terunggul. Aku kaget dan terbungkam, apakah kiranya ini yang dinamakan PERJUANGAN! Siapa kau dibalik wajah naifmu? Kata indah bagai pujangga, bersulam dusta penuh nista. Sedangkan ku tahu, kaulah petualangnya! Kau belai sang ketua dengan kata manis yang membuai, tanpa kau sedar dia amat arif dengan segala tipu daya dan sepak terajang insan seperti kau. Kau leka dengan sanjungan yang memuncak, sedangkan dibelakangmu bergema zikir lantang mencerca kau, bagaikan kepala di puncak kayangan, kaki bergelumang di perlimbahan

Saban hari dan waktu kau menjaja kelebihan dan kehebatan kau di setiap penjuru alam, kau bunuh sahabat yang bersama kau demi keunggulan nama dan kuasa. Tanpa belas ihsan, jantungnya kau robek dengan belati pengkhianatan, dan kau cipta persepsi gampang kepada mereka yang kau anggap kerdil agar mereka tidak betah bangun, kau bunuh potensi dan karekter mereka kerana kau takut dengan bayang bayang yang kau sendiri cipta. Segala kelebihan mereka kau pergunakan habis habisan dan kau katakan bahawa segala itu adalah hasil yang telah kau buat. Segala apa yang dicanai oleh insan lain kau perlekehkan dan segala apa yang digembeling insan lain kau persetankan. Tetapi kau lupa, insan yang kau herdik dan perbodohkan itu tidak sebodoh yang kau sangka. Akan tiba masanya dia berhenti membatukan diri, akan tiba masanya dia berhenti menilai kerana di saat ini taring dan kukunya sedang diasah tajam dengan penuh ketelitian.

Sifat seperti ini bisa menghancurkan sebuah perjuangan. Sifat seperti ini akan membuatkan sesebuah organisasi lumpuh, dan sifat ini membuatkan seseorang ketua itu kecewa dan meratapi tewasnya perjuangan yang telah digagaskan demi sebuah matlamat yang murni. Jangan kau menjadi "saboteur" yang senantiasa

mencari ruang dan peluang menghancurkan daya usaha mereka yang ikhlas berjuang.

Berubahlah teman demi sebuah perjuangan. Kkuatir andai kelak kau terduduk tidak bisa berdiri kembali kerna harus kau hadam tidak selamanya kau bisa menongkat langit. KITA akan selamanya menjadi KITA andai subur mekar di jiwa semangat keKITAan. Kita berjuang bukan kerna nama, kita berjuang bukan kerna ringgit, tetapi kita berjuang demi sebuah kelestarian bangsa dan agama. Lakukan apa yang kau kata. Basah bibirmu mengungkapkan untaian kata yang kau mahu memanusiaikan manusia, tetapi apalah kiranya kau dan aku memanusiaikan kejalangan diri sendiri terlebih dahulu. Sokonglah sang ketua dengan tanpa syarat, bantulah dia tanpa mengharapakan apa jua balasan, sesungguhnya kau akan mengerti betapa perjuangan demi yang Esa akan memberikan kenikmatan abadi!

[#Jentayu](#)

[#BuildTheNation](#)